

72

JABATAN KEHAKIMAN, MALAYSIA

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 1968

PENGAKUAN SAKSI2

Di-dalam kes yang baharu di-bicarakan oleh sa-orang Pengadil, yang di-tudoh telah merayu ka-Mahkamah Tinggi, dan apabila di-tatap rekod perbicharaan Hakim Rayuan di-dapati bahawa tidak ada tertulis dalam Chatatan2 Keterangan menyatakan saksi2 telah membuat pengakuan. Berkenaan dengan kes yang tersebut, saksi2 telah pun membuat pengakuan sebelum mereka di-pereksa. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kelalaian pehak Pengadil kerana tiada merekodkan nyataan bahawa saksi2 telah membuat pengakuan.

2. Untuk mengelakkan kelalaian seperti itu berlaku lagi, semua Yang di-Pertua dan Pengadil hendak-lah mengambil berat merekodkan dengan chermat perbicharaan2 Mahkamah dan menatap Chatatan2 Keterangan sebelum chatatan2 tersebut di-hantarkan ka-Mahkamah Tinggi sekira-nya ada rayuan. Kakitangan perkeranian hendak-lah di-arahkan bahawa sekira-nya di-dapati dengan jelas ada kesilapan2 di-dalam Chatatan2 Keterangan mereka hendak-lah merujokkan perkara tersebut dengan serta-merta kepada Yang di-Pertua atau Pengadil.

A. W. Au
(AU AH WAH)
KETUA PENDAFTAR.

Pejabat Pendaftaran,
Mahkamah Tinggi,
Mahkamah Ke'adilan,
Kuala Lumpur.

26hb. Januari, 1968.

Pembahagian:

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi.
Semua Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi.
Semua Yang di-Pertua, Mahkamah Seshen.
Semua Pengadil Litar, Mahkamah Rendah.

KAR/FN

20 JAN 1968